



AGENCI ANTIDADAH KEBANGSAAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI

KENYATAAN MEDIA

22 ORANG KLIEN AADK LULUS SPM 2025

KAJANG, 1 April 2026 - Seramai 27 klien Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) yang menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi tahun 2025. Daripada jumlah itu, seramai 22 klien berjaya lulus dalam mata pelajaran yang diambil.

“Seramai 20 klien dari Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) Karangan, Kedah manakala enam klien lagi calon SPM dari PUSPEN Papar, Sabah dan seorang klien calon SPM daripada PUSPEN Sungai Besi, Kuala Lumpur.”

“Semua klien ini sedang mengikuti program Rawatan dan Pemulihan Dalam Institusi (RPDI) di kedua-dua PUSPEN berkenaan yang menawarkan modul khas iaitu Program Akses Pendidikan Klien (PAPK) khususnya kepada klien di bawah umur 18 tahun sebagai peluang kedua dalam kebajikan pendidikan.

“Menerusi program PAPK ini, semua klien yang layak akan mengikuti jadual kelas yang sistematik dan diajar oleh guru yang berpengalaman serta bantuan tenaga pengajar daripada Pejabat Pendidikan Daerah,” kata Ketua Pengarah AADK, Dato’ Ruslin bin Jusoh di sini, pada Selasa.

Dato’ Ruslin menambah, program PAPK ini bertujuan membantu klien AADK mendapatkan peluang pendidikan secara formal yang boleh menjamin masa depan mereka kelak.

“Kesemua klien yang lulus SPM 2025 berpeluang melanjutkan pelajaran ke tahap lebih tinggi seperti di Institut Kemahiran Mara (IKM), Institut Latihan Perindustrian (ILP), Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), GiatMara Malaysia dan politeknik,” katanya.

“Usaha ini adalah untuk memberi peluang kepada klien bagi memajukan diri dalam aspek akademik dan sijil kemahiran menerusi kursus Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang boleh dimanfaatkan klien AADK untuk meneruskan kehidupan sekali gus dapat mengekalkan kepulihan sepanjang hayat.

“Selain itu, PAPK menjadi titik tolak kepada perubahan persepsi bahawa keciciran di sekolah tidak semestinya berakhir tanpa ada ruang untuk memperbaikinya.

“Sebanyak enam mata pelajaran diambil klien AADK iaitu Bahasa Melayu; Bahasa Inggeris; Sains; Matematik; Sejarah dan Pendidikan Islam atau Pendidikan Moral,” jelas beliau.

-TAMAT-

**DATO' RUSLIN BIN JUSOH
KETUA PENGARAH
AGENCI ANTIDADAH KEBANGSAAN
KEMENTERIAN DALAM NEGERI
KAJANG, 31 MAC 2026**

E-mel : pro@aadk.gov.my
No. Tel : 038911 2564/2424